

Teknik komputer perlu dikuasai

SHAH ALAM 18 Mac — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, matlamat perindustrian negara hanya akan tercapai jika rakyat negara ini menguasai teknologi terkini dalam bidang kejuruteraan berkomputer dan seterusnya menjadikan kemahiran itu sebagai sebahagian daripada seni bangsa.

Perdana Menteri menegaskan, bagi mencapai tujuan itu, rakyat Malaysia perlulah mengambil inisiatif yang bersejarah untuk mempelajari teknik-teknik tersebut dan sanggup mengulanginya berkali-kali sehingga berjaya.

Kata Dr. Mahathir, jika kemahiran itu telah diwarisi dan diinstitusikan sebagai sebahagian daripada seni bangsa, proses perindustrian negara juga akan bergerak pada arah dan tahap yang dihasratkan.

"Sesiapa juga boleh menguasai apa juga ilmu dan kecekapan jika ia dan masya-

rakatnya sanggup mempelajari dengan dedikasi turun temurun," jelasnya.

Beliau berkata demikian semasa berucap pada majlis perasmian kilang pengacuan dan misi korporat Proton di kawasan Perindustrian HICOM, di sini hari ini.

Kilang yang didirikan di atas tanah seluas 9.5 hektar itu mengeluarkan beberapa komponen bahagian enjin kereta Proton, iaitu blok silinder, penutup bebola, syaf serta dua komponen bahagian rangka iaitu dram serta cakera brek.

Mula dibina pada Disember 1992 dan menelan belanja kira-kira RM260 juta, kilang itu dimodelkan berasaskan sistem serta proses dari rakan usahasama Proton, Mitsubishi Motors Corporation (MMC).

Perdana Menteri menarik perhatian, adalah tidak mustahil jika dengan usaha yang dipupuk sekarang, rakyat Malaysia pada masa akan datang terkehal dengan perindustri-

ton akan meneruskan kerjasamanya dengan MMC dan pihak-pihak lain, namun pada tahap akhirnya, ia mestilah mempunyai keupayaan merekabentuk rekaan asas dan mengeluarkan semua 'rangka tindakan' (*blue print*) untuk semua komponen yang diperlukan bagi mengeluarkan enjin kereta penumpang.

Mengenai misi korporat Proton pula, Perdana Menteri melahirkan rasa gembiranya

an serta kemahiran dalam bidang kejuruteraan.

Menurut Dr. Mahathir, perkara itu boleh dicapai kerana sesuatu kemahiran akan dengan sendirinya diwarisi secara turun temurun oleh generasi berikutnya.

Contoh

Dalam konteks ini, beliau mengambil contoh pencapaian kecekapan pengukiran orang Bali, penghiasan ukiran plaster oleh orang Maghribi dan Uzbek, kecekapan tarian balet orang Russia dan penguasaan serta penciptaan ilmu sains oleh masyarakat Barat.

Perdana Menteri pada ucapannya itu turut menggesa kakitangan Proton supaya menguasai teknologi berkomputer dalam pengeluaran kereta, khususnya bidang transmisi, reka bentuk enjin dan pembuatan, seperti yang dilakukan oleh pengeluar-

kerana menurut beliau, misi itu adalah selaras dengan aspirasi Wawasan 2020.

Beliau menaruh keyakinan penuh bahawa misi korporat itu akan menjadi pemangkin ke arah pencapaian Proton yang lebih gemilang pada masa-masa akan datang.

Misi utama Proton ialah berusaha menjadi pengeluar kereta yang berdaya saing, inovatif dan berorientasikan

pengeluar kereta di negara-negara maju.

Kata Dr. Mahathir, selain daripada membantu Proton terus bersaing dengan pengeluar-pengeluar kereta di negara maju, kecekapan itu juga dapat menolong Proton memperluaskan bidangnya dalam industri-industri lain.

Menurutnya, pada zaman ini, proses penguasaan teknologi adalah lebih mudah, terutama dalam bidang reka bentuk dan pembuatan.

Ini, katanya, kerana sistem reka bentuk bantuan komputer dan sistem pembuatan bantuan komputer sudah begitu maju sehingga boleh terus memesinkan acuan daripada rekaan yang dibuat di komputer.

"Dengan komputer kita boleh bentuk dan lihat rekaan itu daripada apa sudut sekalipun. Teknologi ini perlu kita pelajari dan kuasai," ujarnya.

Dalam hubungan ini, beliau menjelaskan, walaupun Pro-

pengeluar dan misi itu disokong oleh piagam komitmennya kepada lima pihak, iaitu negara, pelanggan, pemegang saham, pekerja dan rakan niaga.

Turut hadir pada majlis itu, ialah Menteri Besar Selangor, Tan Sri Muhammad Muhd. Taib, Duta Besar Jepun ke negara ini, Taizo Nakamura dan Pengerusi Proton, Tan Sri Jamil Mohd. Jan.